



2003

For Immediate Release, 28 February 2026

Press Release: Total Lunar Eclipse on March 03, 2026

Text and Graphic by the Astronomical Society of Brunei Darussalam (PABD)

Bandar Seri Begawan - People in Brunei Darussalam will be able to witness a Total Lunar Eclipse, or Blood Moon, on the evening of Tuesday, 3 March 2026, when the Moon turns a deep red colour as it passes into Earth's shadow.

A total lunar eclipse happens when the Earth moves directly between the Sun and the Moon, causing Earth's shadow to cover the entire lunar surface. Even though the Moon is fully shaded, it does not disappear from view. Instead, it turns a reddish colour. This red hue is produced when sunlight bends through Earth's atmosphere, allowing only red light to reach the lunar surface.

The astronomical phenomenon will be seen in the evening across Australia and eastern Asia including Brunei Darussalam, overnight throughout the Pacific, and at dawn in North and Central America as well as the far western parts of South America. A partial eclipse will be visible in central Asia and much of South America, while Africa and Europe will not see any part of the eclipse.

The early stages of the eclipse occur while the Moon is still below the horizon in Brunei. The initial penumbral and partial phases will therefore not be visible locally. The eclipse becomes observable once the Moon rises already in partial eclipse, leading into the full phase of totality.

The Total Eclipse begins at 7:04 p.m., when the entire Moon enters Earth's umbra and takes on a noticeably darker tone. This is followed by the Maximum Eclipse at 7:33 p.m., the moment when the Moon is deepest in the Earth's umbra and appears most vivid red. Totality ends at 8:03 p.m., after which the Moon slowly brightens as it moves out of Earth's shadow. The partial phase ends at 9:17 p.m., when the Moon is fully within Earth's penumbra and only a subtle dimming remains.


The eclipse officially concludes when the penumbral phase ends at 10:23 p.m., marking the final stage of this celestial event. At this point, the brightness of the full Moon will return to its normal appearance.

This eclipse is classified as a deep total lunar eclipse, with a magnitude of 1.151, indicating that Earth's umbra covers more than the entire diameter of the Moon. Totality lasts for 58 minutes, while the combined partial-eclipse phases span more than 2 hours.


The eclipse is safe to view with the naked eye and requires no special equipment. However, an unobstructed view of the eastern horizon is essential, as the Moon will be very low above the horizon when it first becomes visible.

With a clear eastern horizon and favourable weather after sungkai, Brunei's observers will see the Moon rising around 6:30 p.m., already more than half eclipsed, creating a striking and dramatic sight as it climbs above the landscape. As the eclipse enters totality, the Moon will gradually shift into a coppery-red glow, with its colour shaped by natural atmospheric conditions such as humidity and fine airborne particles.

This rare celestial event is especially significant as it falls in Ramadan. It is the last total lunar eclipse before the next one occurring on 31 December 2028 - 1 January 2029, which is visible from Brunei. For a total lunar eclipse that again coincides with Ramadan, the wait will be much longer: the next one that falls in Ramadan will occur on 7 July 2047 - 21 years from now.



Above: Stages of the Total Lunar Eclipse on 3 March 2026 (Brunei Time)



Infographic: Facing east in Brunei Darussalam on 3 March 2026, the simulation reveals how the Moon rises and transitions through each stage of Earth's shadow.

-END-

2003

For Immediate Release, 28 February 2026

Siaran Akhbar: Fenomena Gerhana Bulan Penuh pada 03 Mac 2026

Teks dan Grafik oleh Persatuan Astronomi Brunei Darussalam (PABD)

Bandar Seri Begawan – Penduduk di Brunei Darussalam bakal berpeluang menyaksikan fenomena Gerhana Bulan Penuh, atau dikenali sebagai bulan berdarah atau “Blood Moon”, pada malam Selasa, 3 Mac 2026. Fenomena ini berlaku apabila Bulan melintasi bayang-bayang Bumi dan bertukar menjadi warna merah gelap.

Gerhana bulan penuh ini terjadi apabila Bumi berada tepat di antara Matahari dan Bulan, serta bayang-bayang Bumi iaitu Umbra menutupi keseluruhan permukaan bulan. Walaupun terlindung, bulan tidak hilang daripadanya. Sebaliknya, ia berubah menjadi warna kemerahan yang terhasil akibat pembiasan cahaya Matahari oleh atmosfera Bumi, yang sampai ke permukaan bulan.

Fenomena astronomi ini akan kelihatan pada waktu petang di seluruh Australia dan Asia Timur termasuk Brunei Darussalam, waktu malam di seluruh Pasifik, serta waktu subuh di Amerika Utara, Amerika Tengah, dan bahagian barat Amerika Selatan. Bagaimanapun, penduduk di Afrika dan Eropah tidak akan dapat melihat sebarang fasa gerhana ini.

Di Brunei, peringkat awal gerhana tidak akan kelihatan kerana Bulan masih berada di bawah ufuk. Namun, gerhana mula dapat dicerap sebaik sahaja Bulan terbit dalam keadaan sudah pun mengalami gerhana separa, sebelum beralih ke fasa Gerhana Penuh.

Gerhana Penuh bermula pada jam 7:04 petang apabila seluruh Bulan memasuki umbra Bumi dan menjadi semakin gelap. Kemuncak gerhana akan berlaku pada jam 7:33 malam, iaitu ketika Bulan berada paling dalam di dalam umbra Bumi dan kelihatan paling merah. Fasa Gerhana Penuh ini berakhir pada jam 8:03 malam sebelum Bulan perlahan-lahan kembali cerah. Fasa Separata tamat sepenuhnya pada jam 9:17 malam, iaitu ketika keseluruhan Bulan keluar dari Umbra.


Peristiwa samawi ini berakhir secara rasmi pada jam 10:23 malam, iaitu ketika Bulan sepenuhnya berada di luar Penumbra, iaitu bayang Bumi yang kabur dan cukup terang. Pada saat ini, kecerahan bulan Purnama akan kelihatan pada tahap lazimnya.

Gerhana ini diklasifikasikan sebagai gerhana bulan penuh yang "dalam" dengan magnitud 1.151, yang bermaksud umbra Bumi menutupi lebih daripada keseluruhan diameter Bulan. Tempoh totaliti akan berlangsung selama 58 minit, manakala keseluruhan gerhana separa berlangsung selama lebih 2 jam.


Fenomena gerhana bulan ini selamat untuk dilihat dengan mata kasar tanpa memerlukan peralatan khas. Walau bagaimanapun, pandangan yang tidak terhalang ke arah ufuk timur adalah sangat penting kerana kedudukan Bulan akan berada sangat rendah di kaki langit semasa kejadian.

Jika ufuk timur tanpa halangan dan cuaca kekal baik selepas waktu sungkai, pencerap di Brunei akan melihat Bulan terbit sekitar jam 6:30 petang berkeadaan lebih separuh permukaannya dalam gerhana, memberikan pemandangan yang dramatik di ruang angkasa. Apabila memasuki fasa penuh, Bulan akan berubah warna kepada merah tembaga, di mana kepekatan warnanya dipengaruhi oleh faktor atmosfera seperti kelembapan dan zarah halus di udara.

Peristiwa falak yang jarang berlaku ini amat signifikan kerana ia beriringan di bulan Ramadan. Ia juga merupakan gerhana bulan penuh terakhir sebelum fenomena seterusnya yang dapat dilihat dari Brunei pada 31 Disember 2028 – 1 Januari 2029. Gerhana bulan penuh yang kembali bertepatan dengan Ramadan tidak akan berlaku dalam masa terdekat. Fenomena berikutnya hanya dijangka pada 7 Julai 2047, bersamaan jarak masa 21 tahun dari sekarang.



Atas: Jadual Fasa Gerhana Bulan Penuh pada 3 Mac 2026 (Waktu Brunei).



Infografik: Menghadap timur di Brunei Darussalam pada 3 Mac 2026, simulasi menunjukkan Bulan terbit dan beralih melalui setiap peringkat bayang-bayang Bumi.

-TAMAT-